

HARI : AHAD
TARIKH : 15/9/2019
M/SURAT : 9

Giat kempen beli barang buatan Malaysia

Bidor: Kerajaan kekal dengan dasar mempergiat kempen Beli Barang Buatan Malaysia bukan saja di pasaran tempatan malah luar negara.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, ini disebabkan beberapa inisiatif yang dilakukan melalui kempen itu didapati sudah membawa hasil yang memberi manfaat kepada semua pengusaha dan peniaga tempatan.

Katanya, walaupun terdapat kempen Beli Barang Muslim Dulu «BMF, kerajaan kekal fokus mempro-

mosi semua produk dihasilkan rakyat tempatan tanpa mengira latar belakang kaum atau agama pengusaha terbabit.

"Apabila disebut buatan Malaysia, tidak kira Cina, Melayu, India, Kadazan, Iban dan lain-lain, asalkan ia buatan Malaysia ikut tafsiran, mereka layak dipromosikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program penanaman pokok Persahabatan Malaysia-Jepun sempena ulang tahun ke-35 AEON di Stesen Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Bidor, semalam.